



PROGRAM BAUCAR RM50

PERLINDUNGAN *tenang* MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik



Dengan kerjasama



*Tertakluk pada terma & syarat

Apakah itu Perlindungan Tenang?

PERLINDUNGAN *tenang* MAMPU & MUDAH

Perlindungan Tenang adalah sebuah inisiatif oleh industri insurans dan takaful yang menyediakan produk insurans dan takaful bagi memenuhi keperluan segmen yang masih tidak dilindungi, terutamanya golongan bawah 40% penduduk atau B40.

Matlamat utama ialah menyediakan perlindungan insurans dan takaful dari sebarang risiko di dalam kehidupan, Perlindungan Tenang merangkumi produk-produk yang memenuhi tiga kriteria iaitu Mampu, Mudah untuk dibeli dan Mudah untuk difahami.



Mampu

- Premium/caruman dari hanya beberapa ringgit setiap bulan.
- Pelan boleh diperbaharui setiap tahun.



Mudah

- Senang untuk faham.
- Bayaran sekaligus kepada penama apabila berlaku kematian.



Mudah untuk dibeli/sertai

- Dapatkan terus secara online atau daripada syarikat insurans / pengendali Takaful atau wakil.
- Juga boleh didapati di cawangan bank terpilih, syarikat pengendali telefon mudah alih dan pejabat pos.



Proses tuntutan mudah

- Tuntutan yang disertakan dokumen yang lengkap akan dibayar dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV)



PROGRAM BAUCAR RM50

PERLINDUNGAN
tenang
MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

Program Baucar RM50 Perlindungan Tenang adalah bantuan kewangan baucar RM50 yang akan diberikan kepada penerima B40 yang layak untuk membantu mereka membeli produk Perlindungan Tenang.

Program Baucar RM50 Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluas perlindungan sosial kepada golongan B40 selain daripada perlindungan kesihatan. Melalui program ini, setiap penerima bantuan B40 yang layak akan diberi baucar RM50 sebagai bantuan kewangan untuk membeli produk Perlindungan Tenang yang diluluskan termasuk takaful hayat dan kemalangan diri.

Bagaimana anda boleh menyemak kelayakan dan menebus PTV?

Semakan Kelayakan

Semakan dari pegawai "frontdesk"

"Walk in" ke wakil insurans / pengendali Takaful atau rakan kongsi.
✓ Semakan dari pegawai "frontdesk"

Layak

Tidak Layak

Tamat

Semakan sendiri

di www.myPTV.my

Layak

Tidak Layak

Layari
https://www.mycoverage.my/perindungan_tenang/

Tamat

Penerima BPR


Beli PT dan Menebus Baucer

Produk yang ditawarkan di kaunter

Beli dan tebus produk PT di kaunter

Produk yang ditawarkan secara dalam talian

Beli dan tebus produk PT di laman web syarikat-syarikat Insuran/pengendali Takaful



Apakah terma dan syarat untuk Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV) ?



Layak untuk penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) sahaja.



SATU baucar hanya boleh digunakan untuk membeli/ menyertai SATU polisi/sijil, walaupun premium/sumbangan kurang dari RM50.



Pulangan tunai atau pembayaran balik secara tunai tidak dibenarkan.



Pengesahan baucar tertakluk pada kesediaan dana semasa penebusan/pembelian produk PT.

Soalan-Soalan Lazim

1. Apakah itu Program Baucar RM50 Perlindungan Tenang?

Program Baucar RM50 Perlindungan Tenang adalah bantuan kewangan baucar RM50 yang akan diberikan kepada penerima B40 yang layak untuk membantu mereka membeli produk Perlindungan Tenang

Program Baucar RM50 Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluas perlindungan sosial kepada golongan B40 selain daripada perlindungan kesihatan. Melalui program ini, setiap penerima bantuan B40 yang layak akan diberi baucar RM50 sebagai bantuan kewangan untuk membeli produk Perlindungan Tenang yang diluluskan termasuk takaful hayat dan kemalangan diri.

2. Siapakah yang layak mendapat baucar ini?

Baucar hanya layak untuk penerima B40 bagi Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021 sahaja dan ketersediaan baucar akan dibuat secara berperingkat mulai 30 September 2021 dan seterusnya adalah seperti berikut:

Fasa	Kategori	Tarikh Ketersediaan
Fasa 1	Isi rumah	30 September 2021
Fasa 2	Individu	30 September 2021
Fasa 3	Warga Emas (> 60 tahun)	30 September 2021

Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyemak kelayakan dan menuntut / menebus baucar ini?

Untuk menyemak kelayakan, langkah-langkah berikut perlu dilakukan:

Langkah 1: Layari www.myPTV.my atau www.mycoverage.my/perindungan_tenang/ dan tekan pada "PTV Enquiry".

Langkah 2: Masukkan maklumat Nombor Kad Pengenalan (NRIC) anda dan tandakan tik (/) di "YA, SAYA TELAH MEMBACA DAN PEMBENRITAHUAN PRIVASI" dan "Saya bukan robot" di skrin "SEMAKAN PERLINDUNGAN TENANG VOUCHER (PTV)".

Langkah 3: Tekan butang "Cari" dan jika anda layak untuk program ini, sistem akan menjana nombor baucar di mesej seterusnya.

Untuk menuntut/menebus baucar, langkah-langkah berikut perlu dilakukan:

Langkah 1: Layari www.mycoverage.my/perindungan_tenang/.

Langkah 2: Kemudian, tatal ke bawah portal di Produk Perlindungan Tenang". Tekan ikon produk Perlindungan Tenang yang menjadi pilihan anda, maklumat tentang produk akan dipaparkan.

Langkah 3: Tekan butang "KETAHUI LEBIH LANJUT" dan anda akan dibawa ke produk Perlindungan Tenang di laman web syarikat insurans atau pengendali takaful masing-masing

Langkah 4: Anda akan dibantu oleh proses yang mudah dari syarikat insurans atau pengendali takaful masing-masing mengenai cara untuk menyertai/membeli produk dan diminta untuk mengisi maklumat yang diperlukan untuk memproses permohonan. Anda mungkin perlu memasukkan nombor baucar semasa proses permohonan / penjualan (proses ini mungkin berbeza mengikut syarikat dan anda dinasihatkan untuk menghubungi wakil syarikat untuk mendapatkan maklumat lanjut).

Selain itu, anda juga boleh menyemak kelayakan anda secara "walk-in" di mana-mana cawangan syarikat insurans/ pengendali Takaful atau rakan kongsi yang mengambil bahagian. Sekiranya anda layak, anda boleh terus membeli dan menebus baucar RM50 tersebut di kaunter.


Anda akan dibantu oleh pegawai yang bertugas dari syarikat insurans atau pengendali takaful masing-masing mengenai cara membeli produk dan diminta untuk mengisi maklumat yang diperlukan untuk memproses permohonan. (proses ini mungkin berbeza mengikut syarikat dan anda dinasihatkan untuk menghubungi wakil syarikat untuk mendapatkan maklumat lanjut).



PROGRAM BAUCAR RM50

PERLINDUNGAN *tenang* MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik
Dengan kerjasama



*Tertakluk pada terma & syarat

Anda boleh menghubungi talian hotline 03-77239333 atau layari
Portal PTV www.myPTV.my untuk maklumat lanjut mengenai
PTV dan www.mycoverage.my untuk mengetahui lebih lanjut tentang
produk-produk Perlindungan Tenang.